

## KEBERKESANAN PROGRAM LATIHAN USAHAWAN MIKRO DALAM MEMBANTU USAHAWAN BUMIPUTRA ISLAM

**Tengku Maaidah, Nor Aishah Buang**

<sup>1,2,3</sup>*Universiti Kebangsaan Malaysia, MALAYSIA*

<sup>1</sup>*E-mail: openmindresources@yahoo.com*

### ABSTRAK

Usahawan Mikro adalah revolusi dalam pengurusan pembangunan usahawan MARA (Majlis Amanah Rakyat) iaitu sebuah institusi pembangunan usahawan dan pendidikan Bumiputra. Maka program Usahawan Mikro telah berkerjasama dengan (PBT) Pihak berkuasa Tempatan untuk menjayakan program ini. Oleh itu Program pembangunan usahawan Mikro MARA-PBT merupakan satu program yang di usahakan untuk menyelesaikan masalah penjaja haram yang tumbuh seperti cendawan, terutamanya bumiputra Islam. Sebagai sebuah agensi kerajaan, MARA mengambil inisiatif untuk membantu PBT mengurangkan masalah penjaja haram melalui konsep *win to win*. Dimana MARA sebagai pemberi geran, perunding sebagai pelaksana, PBT sebagai pemberi lesen dan usahawan dapat di bangunkan. Kertas kerja ini akan membincangkan model, kaedah perlaksanaan dan keberkesanan serta permasalahan perlaksanaan program pembangunan usahawan Mikro di seluruh Selangor dalam ketegori bandar maju (Petaling Jaya) dan bandar membangun (Kajang). Pendekatan kualitatif dengan meninjau dan menemubual peserta usahawan mikro dan perunding MARA, serta mengkaji bahan bahan bertulis seperti jurnal, laporan prestasi program, laporan prestasi peserta, data koparat MARA dan laman sesawang,. Hasil daripada kajian yang dijalankan, model dan kaedah perlaksanaan program mampu untuk menyelesaikan masalah yang di hadapi peniaga (penjaja haram) dengan ilmu pengurusan

kewangan dan bimbingan perniagaan serta lesen perniagaan. Manakala terdapat beberapa orang peserta yang bersikap tidak patuh dengan peraturan PBT dengan membesar saiz kiosk dan tidak mahu berniaga di tempat yang di luluskan, malah faktor pendidikan juga mengambil masa dalam membentuk perubahan pemikiran usahawan semasa bimbingan. Kajian ini merupakan sesuatu yang amat bermakna dalam menilai keberkesanan program pembangunan usahawan Mikro.

**Kata kunci :** Program latihan Usahawan Mikro, MARA-PBT, usahawan Bumiputara Islam.

## PENGENALAN

Isu pembangunan latihan keusahawanan menjadi perhatian sejak tahun 1997, dan menjadi keperluan dan permintaan kepada masyarakat pada tahun ini kerana peluang pekerjaan semakin menurun atas sebab ekonomi negara mengalami kemelesetan, dan kos percukaian di Malaysia semakin tinggi. maka syarikat-syarikat besar juga amat terasa dengan kos bahan mentah yang semakin tinggi sehingga tidak mampu untuk membuka peluang pekerjaan, malah sudah mula memberhentikan pekerja mengikut tahap kestabilan pengurusan syarikat.

Oleh itu, pada tahun 2000, masyarakat sudah mula menyedari kepentingan menjadi usahawan, namun dengan modal yang kecil, mereka telah membuka perniagaan secara kecil-kecilan dengan hanya mencuba nasib di bahu jalan tanpa mempunyai pendaftaran perniagaan (SSM) dan sijil kebenaran berniagaan oleh PBT. Namun begitu Perusahaan ini majoritinya adalah golongan bumiputra Islam, yang meniagakan produk makanan dan minuman seperti goreng pisang, mee sup, keropok, air bungkus, buah-buahan dan sebagainya.

Walaupun perniagaan ini mendapat sambutan daripada masyarakat di Selangor terutamanya di kawasan bandar. Maka menjadi masalah kepada pihak PBT dalam perancangan bandar yang menyebabkan kesesakan lalu lintas dan menyebabkan suasana di kawasan tersebut tidak cantik kerana peniaga hanya menggunakan kanopi dengan keadaan kedai yang tidak tersusun rapi. Keadaan ini menyebabkan PBT bahagian penguatkuasaan meroboh dan mengambil semua peralatan perniagaan dengan menyita. Maka kibatnya berlaku pergaduhan dan kerugian kepada peniaga itu sendiri.

Hasil kajian sebuah syarikat yang di telah dilantik oleh MARA dan di amanahkan untuk membangunkan usahawan bumiputera telah menemui satu formula, dimana model dan konsep perlaksanaannya dapat membantu menjenamakan peniaga haram ini kepada usahawan sebenar dengan memberi latihan keusahawan, mendaftarkan syarikat perniagaan dan membina kiosk (permis) perniagaan dengan kelulusan PBT. Tanggung jawab ini amat sinonim dengan MARA yang merupakan institusi penting untuk membangunkan usahawan dari peringkat mikro, kecil, sederhana dan besar, dimana prinsip utama MARA adalah mengambil berat antara sesama usahawan dan mencapai taraf ekonomi yang baik.

Keberkesanan program pembangunan usahawan mikro di negeri selangor turut berperanan meyakinkan PBT negeri-negeri lain termasuk sabah dan serawak untuk membawa peniaga haram di di setiap negeri untuk menyertai program ini. Di mana pendekatan ini adalah salah satu cara untuk membantu dan menyusun dan membangunkan usahawan.

Justeru itu, MARA telah mengambil langkah pragmatic dengan memperkenalkan program pembangunan usahawan mikro dengan mewujudkan dana bantuan perniagaan kepada peniaga jalanan dengan berpakej. Maka dengan kerjasama semua pihak antara MARA, perunding, PBT dan Usahawan adalah salah satu elemen yang penting dalam menjayakan program ini.

Untuk itu, kertas kerja ini akan meninjau perlaksanaan program pembangunan usahawan Mikro di Selangor iaitu di kawasan bandar maju (daerah petaling Jaya) dan bandar membangun (daerah kajang) serta membincangkan keberkesanan dan permasalahan perlaksanaan program pembangunan usahawan MIKro.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Program pembangunan usahawan mikro MARA-PBT adalah salah satu program pewujudan pada tahun 2005, program ini menjadi cabaran di mana bilangan usahawan dalam perusahaan mikro sangat ramai berbanding dengan perusahaan kecil dan sederhana. Defnisi baharu usahawan Mikro adalah jualan tahunan kurang daripada RM300, 0000.00 atau kurang daripada 5 pekerja (sumber: majlis pembangunan PKS kebangsaan 2014). Maka usahawan dalam perusahaan mikro adalah berjumlah 218,930 orang bumiputera dan 277,528 orang bukan bumiputera (sumber: census of Establishment and Enterprises 2005) maka di sini sayugia untuk meneliti dengan lebih mendalam Kebanyakan

usahawan mikro ini berada di gerai kecil pembuatan makanan. Maka agenda utama untuk mengetahui modul program, proses perlaksanaan program, proses bimbingan dan proses pemantauan di jalankan bagi mengenal pasti perubahan sikap dan tingkah laku peserta.

### **KAJIAN LEPAS**

Di Malaysia, kerajaan telah mula merangka program keusahawanan pada tahun 1970-an, di mana pengubalan Dasar Ekonomi Baru, ini bertujuan untuk menyusun semula masyarakat dengan mewujudkan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputra.

Sehubungan itu, kerajaan memperluaskan program keusahawanan dengan sasaran seramai 150,000 usahawan, termasuk 65,000 orang pelajar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9. Untuk tempoh ini, MeCD telah memperuntukkan sebanyak RM 19.7 juta (Berita Harian, 10 Januari 2009). Bagi mencapai matlamat tersebut. Beberapa kementerian, khususnya MeCD telah merangka strategi pembangunan usahawan seperti pembiayaan, latihan dan bimbingan, galakan pemasaran dan penyelidikan.

Ibrahim mamat 2009 mencadangkan peranan siswa untuk memahami konsep dan ilmu keushawanan dalam program Keusahawanan (PPUS) sebagai inisiatif pekerjaan dalam membasi kemiskinan, meningkatkan kualiti hidup rakyat, mengawal inflasi dan memecah monopoli dalam negara (Institut Keusahawanan Negara, 2004).

Namun begitu Ibrahim mamat 2009 mendapat matlamat kerajaan tidak tercapai kerana bilangan siswa yang menjadi usahawan adalah sangat rendah, menurut Hills (1988) keberkesanan program keusahawanan di universiti bergantung kepada penghayatan dan persepsi baik di kalangan ahli akademik dan pentadbir universiti. Oleh itu, para pentadbir perlu mempunyai persepsi yang tinggi terhadap bidang keusahawanan sebagai bidang kerjaya yang baik untuk para graduat. Malah meminta siswa membuat kajian tentang keusahawanan.

Oleh itu pihak universiti perlu memperincikan peratusan pelajar yang menjalankan perniagaan dan menubuhkan syarikat serta berjaya menjadi seorang usahawan setelah mereka menamatkan pengajian. Oleh itu jaringan kerjasama yang lebih erat antara beberapa kementerian iaitu, MeCD, KPT, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), Kementerian Sains,

Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dapat menyalurkan segala bantuan secara bersepada kepada bakal usahawan.

Manakala menurut (UiTM Entrepreneurship Study Group 2005). usahawan merupakan individu atau kumpulan individu yang aktif dalam penubuhan perniagaan sendiri dan mengembangkannya manakala Andersson (2003) pula menegaskan usahawan merupakan individu yang menguruskan pertumbuhan perniagaan. Malah penglibatan individu tersebut perlu merancang, menerajui dan mengurus sebuah perniagaan atau perusahaan (Norita Deraman et al. 2007; Khairuddin 1996).

Menurut Ma'rof 2012 proses Pembentukan keupayaan dapat dilaksanakan, sekiranya individu, kumpulan, organisasi, institusi atau masyarakat dapat meningkatkan kemampuan dan kredibiliti untuk menyelesaikan masalah, mencapai matlamat dan berurusan dengan keperluan pembangunannya dalam konteks pembangunan lestari (UNESCO, 2006).

Oleh itu bagi Buerah 2011 menjelaskan perkara berkaitan keperluan dan kepentingan pendidikan dan latihan usahawan kearah pembangunan usahawan muslim adalah sikap usahawan dan kemahiran mengurus. Maka pengkaji mengklifikasikan usahawan tidak akan berjaya sekiranya perkara diatas diabaikan kerana akan menghalang daya tahan dan daya saing usahawan bumiputera Muslim berbanding usahawan bangsa lain.

Maka menurut Ibrahim mamat 2009 bagi menghadapi cabaran persaingan dalam perniagaan perlu melahirkan usahawan yang menghayati nilai dan etika Islam kerana dapat meningkatkan budaya niaga dalam pembangunan keusahawanan Bumiputera Muslim PKS. Tambahan beliau terdapat cadangan bagi menjayakan pendidikan keusahawanan di peringkat universiti. Antaranya Kementerian iaitu MeCD hendaklah berkerjasama dengan beberapa agensi lain seperti Bank Industri untuk memberi pelbagai khidmat bantuan usahawan iaitu latihan usahawan, pemasaran, geran, pinjaman, kemudahan prasarana dan khidmat nasihat.

Namun begitu dalam laporan RMK 9, peratusan syarikat bumiputera dalam semua sektor ekonomi masih rendah. Laporan menyebut bahawa peratusan ekuiti tertinggi yang dikuasai oleh bumiputera adalah dalam sektor pembinaan iaitu 35.2%, diikuti dengan pengangkutan 26.7% dan perdagangan borong dan runcit

20.4%. Ketidaksamaan pemilikan aset bukan kewangan cukup jelas. Bumiputera hanya memiliki 11.7% daripada pelbagai jenis perniagaan. Pemilikan premis industri bumiputera juga rendah, iaitu 4.8%, dan kompleks perniagaan adalah 11.7%. Pemilikan ekuiti bumiputera dalam industri tertentu juga agak kecil. Hasil kajian menunjukkan penyertaan 30% ekuiti bumiputera masih jauh, rata-rata masih lagi di bawah 10%. Hanya sub-industri elektrik dan elektronik (24.7%), logam (13.3%), peralatan pengangkutan (12.7%) dan petrokimia (10.2%) yang mempunyai ekuiti bumiputera melebihi 10%. Sub-industri lain seperti alatan perubatan, tekstil dan perhiasan, pharmaceuticals, sub-industri asas kayu, sub-industri asas getah, kelapa sawit dan pemprosesan makanan mempunyai ekuiti kurang dari 10%.

## MODEL DAN KAEDAH PERLAKSANAAN PROGRAM

Program pembangunan usahawan mikro adalah salah satu program di bawah program pemwujudan usahawan. dimana program ini menggunakan modul latihan PFI (personal financial intelligence). Modul latihan ini yang mengikut skop keperluan Bahagian pembangunan Usahawan MARA (BPU)

Menurut Tatacara pelaksanaan program BPU 2006 Program latihan yang telah dibentuk adalah berdasarkan proses *PFi-4E-Business Coaching (Personal Financial Intelligence)* yang mana perunding telah menggabungkan pengalaman pembangunan usahawan dan program pembangunan perunding yang dirangka khas untuk program pembangunan usahawan mikro. Perunding melatih peserta dalam aspek-aspek berikut:

- a. Latihan pembentukan usahawan PFi
- b. Latihan Business Coach
- c. Latihan Perniagaan dan kepimpinan
- d. Latihan praktikal
- e. Latihan pembangunan RP
- f. Pemantauan

Manakala kaedah pelaksanaan program terbahagi kepada 5 perkara penting iaitu peserta, kelulusan program, kursus dan latihan, tapak dan kiosk. Maka proses pemilihan Peserta dilakukan oleh pihak PBT. Di mana setiap peserta akan ditemui duga dan dipilih oleh pihak PBT dan perunding berdasarkan kualiti dan kebolehan mengurus perniagaan dengan baik. Syarat-syarat peserta merangkumi:

- a- Mereka yang sedang berniaga, tanpa lesen atau tanpa kiosk yang tetap.
- b- Bersetuju dengan syarat-syarat yang ditetapkan. (Contohnya peserta hendaklah bumiputera yang berumur 18 tahun ke atas)
- c- Peserta dipilih atas persetujuan MARA, dan perunding.
- d- Bancian dan temuduga dilaksanakan oleh dan perunding.
- e- Lain-lain peserta yang layak dengan persetujuan MARA dan PBT.
- F- Permohonan dan pemilihan peserta dilaksanakan di pejabat PBT melalui jabatan atau unit penjaja. Kebiasaan peserta telah pun dikenal pasti oleh berdasarkan lokasi-lokasi tertentu.

### **KEBERKESANAN KEPADA USAHAWAN BUMIPUTRA ISLAM**

Program latihan Keusahawanan MARA, merupakan program yang perlu wujud dalam proses memperkembangkan kemahiran usahawan bumiputera Islam dalam pembentukan saingan yang positif, Namun setiap program yang dilaksanakan pasti mempunyai kelemahan dan kekangan yang perlu diperbaiki untuk kebaikan program akan datang. Maka penilaian program sangat penting untuk dilakukan supaya pihak MARA mendapat gambaran menyeluruh tentang pelaksanaan program yang diperolehi serta dapat mengenal pasti kelompongan yang perlu diperbaiki. Sejurus dapat mewujudkan kelebihan dan kepentingan usahawan Bumiputra Islam dalam pembentukan usahawan MIKRO seperti yang digariskan dibawah.

- a. Membina keyakinan.

Program pembangunan Usahawan Mikro dapat membantu usahawan Bumiputera Islam memperolehi maklumat sebelum membuat sebarang perniagaan atau perusahaan. Ia memberi keyakinan dan dapat mengurangkan risiko kerugian, persaingan serta produk yang tidak dapat menembusi pasaran.

- b. Mengurangkan birokrasi.

Birokrasi kadang-kadang melambatkan proses atau sesuatu urusan. Program Usahawan mikro boleh membantu dalam perkara-perkara seperti berikut:

- Mempercepatkan proses permohonan lesen perniagaan
- Menjimatkan masa, kewangan dan sumber-sumber lain dengan bantuan MARA membina kiosk

- Menghalang usahawan daripada mengulangi kesilapan.

c. Menambah maklumat berkenaan kelebihan penjenamaan usahawan

Penjenamaan ini telah memberi banyak kelebihan kepada usahawan, kerana sebelum ini peniaga haram tidak diberi peluang untuk mendapatkan lesen perniagaan dan bantuan kewangan. Dengan penyertaan mereka banyak maklumat boleh diperolehi dari perunding MARA untuk memajukan perniagaan.

d. Bimbingan perunding

Setiap usahawan telah dibimbing oleh perunding dalam semua sudut berkaitan perniaggan mereka, seperti membuat akaun perniagaan, pengurusan kewangan, kebersihan dan kualiti produk yang diniagakan. Bimbingan ini penting untuk membantu usahawan bumiputera islam yang bersaing untuk lebih maju.

e. Sumber kreativiti.

Melalui usahawan, MARA banyak idea baru dapat diperolehi bagi mencipta produk atau perkhidmatan baru. Ia juga membantu memberi idea yang lebih kreatif dalam mengeluarkan dan memasarkan barang.

## **ISU DAN PERMASALAH PROGRAM**

Dalam proses membentuk usahawan terdapat pelbagai cabaran, di mana usahawan yang menyertai program ini mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan. Namun begitu majoritinya berpendidikan rendah, maka proses pembelajaran dan pengajaran dalam latihan yang diberikan adalah mengikut keupayaannya menerima ilmu tersebut, seperti menulis setiap kewangan perbelanjaan dan pendapatan harian, supaya setiap kali perunding datang untuk memantau, peserta dapat menyediakannya. Malah dengan adanya buku lejer ini, dapat menyakinkan bank untuk memberi bantuan kewangan untuk usahawan membuka perniagaan dengan lebih besar. Menurut perunding usahawan Hisham 2015 “*terdapat usahawan tidak mampu untuk menulis dan membaca kerana faktor pendidikan, maka peranan amat penting perunding untuk membimbing usahawan tersebut*”.

Sikap peserta juga menjadi isu dalam program ini, kerana terdapat beberapa peserta tidak mahu bermiaga di tempat yang dibenarkan oleh PBT, kerana tempat perniagaan sebelum ini menganggu lalu lintas dan membahayakan peserta (laporan PBT kajang 2008). oleh itu, pihak PBT memaklumkan kepada pihak

MARA supaya menasihati usahawan yang menyertai program ini. Demikian juga, terdapat peserta menambah payung dan meja yang berlebihan daripada syarat yang diberikan oleh PBT.

Oleh itu, dua perkara yang melibatkan sikap peserta yang tidak mahu berubah, menurut Nor Aishah 2013 sikap usahawan boleh menyebabkan kencenderungan dan matlamat seorang individu bertindak kearah keinginannya, ini menyebabkan kesukaran untuk mereka berniaga kerana tetap di kenakan tindakan kepada peserta. Menurut perunding hisham 2015 “*peranan perunding MARA amat penting untuk memberi penerangan dengan menjelaskan kerugian dan kurang ketenangan semasa berniaga akan di alami*” atas nasihat yang diberi usahawan ini boleh bertolak ansur dan memulakan perniagaan, namun terdapat juga usahawan yang tidak mahu bekerja sama, maka bagi pihak perunding tidak bertanggungjawab ada apa yang berlaku. Dan di pihak PBT tidak dapat mengeluarkan lesen perniagaan.

Oleh yang demikian program usahawan mikro perlu mengadakan beberapa siri bagi membantu usahawan Bumiputra Islam dengan meramaikan usahawan untuk di latih dan dibimbing serta mengembangkan perusahaannya, namun pada tahun 2010 program usahawan mikro di tamatkan, walaupun program tersebut dapat melahirkan usahawan yang berjaya dengan mempunyai cawangan kedai yang banyak dan membuka restoran yang besar. Menurut peserta usahawan mikro Hasni (kajang) 2015 “*kini tenang untuk membuka perniagaan setiap hari kerana mempunyai lesen yang sah. Maklumnya lagi setelah 9 tahun berniaga selepas mengikuti program usahawan mikro MARA-PBT banyak yang saya pelajari dalam menguruskan kewangan perniagaan dan peribadi, dan yang saya masih ingat cikgu (perunding)cakap berniaga mesti kena (perlu) maju, tidak boleh satu kedai sahaja, belajar untuk menambah cawangan. Saya terfikir sebelum menyertai program saya berniaga sudah 6 tahun tetapi saya masih mempunyai satu kedai, tetapi kini saya sudah mempunyai 5 kedai, alhamdulillah*”

## KESIMPULAN

Program Pembangunan Usahawan mikro ini amat berkesan bagi membantu mencapai visi dan objektif kerajaan untuk membangunkan usahawan Bumiputra Islam yang berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing yang akhirnya menjurus ke arah pewujudan dan pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputra Islam. Justeru dapat meningkatkan ekonomi umat

Islam seluruh dunia. Namun untuk mengetahui kesan yang lebih terperinci, satu kajian perlu dilaksanakan dengan segera.

### **RUJUKAN**

- Ab. Aziz Yusof. (2003). *Prinsip Keusahawanan*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Abu Bakar, T. @ S., Md Ali, A., Omar, R., Md Som, H. dan Muktar, S. N., (2007). Penglibatan Kaum Wanita Dalam Aktiviti Keusahawanan Di Negeri Johor: Kajian Terhadap Faktor-Faktor Kritikal Kejayaan Dan Kegagalan
- Abdul Ghafar, M. N., (1999). Penyelidikan Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. Abd. Mutualif, S. A., (2003). Mengenal Pasti Tahap Motivasi Dan Kecenderungan Terhadap Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Semester Akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal: Satu Tinjauan Di Kuittho. Tesis Sarjana.
- Abu, M. S., Kamsah, M. Z. dan Razzaly, W., (2008). Laporan Kajian Soal Selidik Penerapan Kemahiran Insaniah (Ki) Di Kalangan Pelajar Dalam Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran Di Institut Pengajian Tinggi Awam.
- Attahir Yusuf. 1995. Critical success factors for small business: perceptions of South Pacific entrepreneurs. *Journal of Small Business Management*, 33, 68-73.
- Buerah Tuggak 2011, Pengaruh Faktor-Faktor Demografi Terhadap Buday Niaga Usahawan
- Bumiputera Muslim, Jurnal Kemanusiaan,bil 20, Universiti Teknologi Malaysia
- Buerah Tuggak, Hussin salamon & baharin abu: 2011 ; Keperluan Latihan Dan Pendidikan
- Berterusan Ke Arah Pembangunan Usahawan Muslim Berteraskan Nilai Islam Di Malaysia, Jurnal Teknologi: 121-144 (Vol 55)
- Bernama, 3 Julai 2009. Sumbangan PKS kepada KDNK boleh ditingkatkan melalui sektor perkhidmatan.
- Benzing, C., Hung, Manh Chu & Kara, O. 2009. Entrepreneurs in Turkey: a factor analysis of successf actors and problems. *Journal of Small Business Management*, 47(1), 58-91.

- Ibrahim mamat, Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang 2009, Nilai, sikap dan amalan pegawai kanan institut pengajian tinggi terhadap program pembangunan usahawan siswa, Jurnal Kemanusiaan Bil.14, Dis 2009
- Malaysia. 2001. Rangka Rancangan Jangka Panjang ketiga 2001-2010. Malaysia.
2006. Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010. Mohd Salleh, D. 1992. The development of entrepreneurship and enterprise in higher education in Malaysia. Tesis Tesis PhD. University of Durham.
- Ma'rnof Redzuan, Abd. Razak Abd. Rahman & Nurfaizreen Aina Muhamad Nasharudin Pembentukan Keupayaan Individu dalam Kalangan Usahawan Wanita Industri Kecil:: Akademika 82(1) 2012: 57-64
- Mohd Salleh Din, Hoe Chee Hee, Norashidah Hashim, Ooi Yeng Keat, Shuhymee Ahmad, Habshah Bakar, Norita Deraman, Rosli Mahmood, Armanurah Mohamad, Lily Julienti Abu Bakar & Mohamad Nasri Md Hussain. 2005. Asas Keusahawanan. Kuala Lumpur: Prentice Hall.
- Morris,M.S.,Lewis,P.& Sexton,D.S.1997.Reconceptualizing Entrepreneurship: An input-output perspective. SAM Advanced management journal. 55(1): 21-31.
- Nasharudin, N. dan Harun, H., (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. Jurnal Pendidikan Malaysia 35(1)(2010): 11-17.
- Nor Aishah Buang (2013): Pendidikan Keusahawanan, Penerbitan universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Ibrahim Mamat, Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Noorun Nashriah Binti Ramli (2009) Nilai, Sikap Dan Amalan Pegawai Kanan Institut Pengajian Tinggi Terhadap Program Pembangunan Usahawan Siswa:Fakulti Pengurusan dan Ekonomi Universiti Malaysia Terengganu: Jurnal Kemanusiaan Universiti Malaysia Terengganu l.14, Dis 2009
- Zaidatol Akmaliah Lope Pirie & Habibah Elias 2004: Keupayaan Usahawan Bumiputera
- Melaksanakan Kemahiran Keusahawanan: Satu Kajian Kes, UPM